

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SKP 103 @ NKM 031 - Pengantar Sains Politik

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SALAH SATU dari soalan-soalan di Bahagian I, dan DUA (2) soalan lainnya. (Jawab TIGA soalan semuanya).

BAHAGIAN I

1. Kebanyakan negara-negara dunia ketiga di Asia, Afrika dan Amerika Latin memulakan negara baru mereka selepas bebas dari pemerintahan kolonial sebagai negara demokrasi. Namun dalam beberapa tahun sahaja kebanyakan pemimpin-pemimpin dunia ketiga telah mengkritik dan menolak sistem demokrasi dan seterusnya mengarahkan negara-negara mereka mirip ke arah autokrasi. Apakah hujah-hujah mereka berbuat demikian? Nilaikan hujah-hujah itu.

(100 Markah)

2. "Having created Itali it is now necessary to create Italians." Petikan di atas memperlihatkan betapa perlunya pembentukan satu bangsa (nation) bagi sesebuah negara (state). Apakah yang anda fahamkan dengan konsep "negara bangsa"? Apakah masalah-masalah dalam proses pembentukannya? Dengan menggunakan contoh-contoh, apakah cara-cara yang boleh/telah dicuba untuk mengatasinya?

(100 Markah)

...2/-

BAHAGIAN II

3. "Proses politik ialah proses pengagihan nilai dan matlamatnya ialah pembentukan "Masyarakat Sempurna." Dalam kedua-dua hal ini persoalan kuasa dan keesahan kuasa merupakan perkara paling utama." Bincangkan.

(100 Markah)

4. Kumpulan pendesak adalah antara saluran utama rakyat untuk terlibat dalam proses penyertaan politik. Dengan menggunakan contoh-contoh, huraikan peranan yang dimainkan dan kaedah yang digunakan oleh kumpulan pendesak dalam proses politik dan dalam mencapai matlamatnya.

(100 Markah)

5. Kaedah liberal demokratik sangat menekankan persoalan "pilihanraya" dan "perwakilan." Bincangkan peranan "pilihanraya". Juga, mengikut teori dan praktis, apakah jenis dan peranan wakil di majlis perundangan?

(100 Markah)